

Headline	MBEF lancarkan operasi syarikat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	652 cm ²
Journalist	Fahmy Azril Rosli	AdValue	RM 22,475
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,425



MBEF lancarkan operasi syarikat

➔ Tujuh kriteria rangsang produktiviti, kecemerlangan

Oleh **Fahmy Azril Rosli**

fahmy.azril@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan Malaysia (MBEF) berfungsi sebagai alat bagi membantu syarikat mengurus dan mengkaji semula operasi perniagaan serta prestasi pengurusan supaya lebih sistematik.

Selain itu, rangka kerja itu dapat membentuk keperibadian merangkumi budaya kerja berdisiplin sekali gus memberi kesan terhadap peningkatan tahap produktiviti pekerja yang akhirnya memberi manfaat kepada syarikat.

Bukan sahaja syarikat yang mendapat manfaat dari rangka kerja itu, malah orang sekeliling yang berkepentingan turut menerima kesan positifnya.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) kini giat bekerjasama untuk mempromosikan MBEF melalui perkongsian bersama syarikat yang tersenarai dalam Anugerah Kecemerlangan Industri.

Terap budaya kerja Kaizen

Inisiatif seperti MBEF telah digunakan dalam organisasi antarabangsa ke arah membudayakan amalan bekerja bertaraf dunia meliputi pekerja sehingga pengurusan atasan.

Syarikat penghawa dingin dari Jepun, Daikin Malaysia Sdn Bhd (DAMA) tidak terkecuali dari menggunakan MBEF walaupun syarikat dari Jepun sudah memiliki budaya kerja tersendiri iaitu Kaizen.

Kaizen adalah budaya kerja orang Jepun yang diterapkan dalam sesebuah organisasi dan sangat penting untuk meningkatkan mutu kerja, penciptaan inovasi, pengu-

rusan kerja yang efektif dan menghadapi pesaing.

Ketua Sumber Manusia Kumpulan DAMA, Angeline Lee, berkata bagaimanapun, MBEF dan Kaizen saling melengkapi dan mempunyai matlamat sama sebagai nilai tambah kepada kakitangannya.

Bagi mengekalkan mutu yang tinggi, Angeline berkata, DAMA cuba mengaplikasikan proses pembuatan lebih efektif untuk memastikan pelanggan berpuas hati dengan produk Daikin.

“Di sini, kita cuba berusaha menerangkan konsep ‘Pengurusan Berpaksikan Insan’ yang menekankan aspek kepentingan menghargai potensi setiap individu demi memacu kejayaan kepada syarikat.

“Dengan pengiktirafan ini, kami yakin perniagaan akan lebih kukuh dan setiap individu di syarikat ini akan terus berkembang maju dalam mengatasi sebarang cabaran,” katanya kepada *BH* selepas Majlis Pelancaran Laporan Produktiviti 2015/2016 oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, baru-baru ini.

Untuk menyahut cabaran global, Angeline berkata, MBEF memberi fokus bakat dan potensi setiap pekerja lebih mampan khususnya sektor pembuatan yang memabitkan teknikal dan praktikal.

Rangsang tingkat produktiviti

Turut mengakui keberhasilan MBEF adalah Ketua Pegawai Eksekutif Ranaco Education & Training Institute Sdn Bhd (RANACO), Ahmad Firdhaus Ramlan, berkata program itu sememangnya dapat menyumbang ke arah peningkatan produktiviti dalam syarikat.

Mula mengikuti program ini pada 2008, katanya, ia secara berperingkat berjaya menampakkan kejayaan antaranya mendapatkan pengiktirafan daripada sektor kerajaan mahupun swasta selain mengandakan keyakinan pelanggan serta motivasi pekerja.

“Untuk mengubah landskap dan program di syarikat swasta milik Bumiputera yang berpusat di Terengganu dengan kapasiti pekerja yang majoritinya orang Melayu bukanlah mudah.

“Proses memastikan pekerja sebagai penggerak utama syarikat untuk menerima dan mengaplikasikan program baharu ini adalah cabaran terbesar bagi saya.

“Namun, setelah pekerja kami menelusuri tujuh kriteria iaitu kepimpinan, perancangan, maklumat, pelanggan, insan, proses dan keputusan, maka pekerja berkenaan sendiri dapat melihat hasil dan kebaikan sistem ini,” katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Firdhaus berkata, MBEF lebih cenderung ke arah membentuk sahsiah pekerja supaya bertanggungjawab kerana program ini hanya memberi penambahbaikan secara berterusan dan bukannya menghukum.

“Sehubungan itu, semua pihak perlu memahami keperluan dan kebaikan program berkenaan. Selari dengan perkembangan syarikat, mustahil seorang individu untuk memantau operasi syarikat.

“Namun, MBEF berjaya mewujudkan cara bekerja yang mana akan mengoptimalkan produktiviti syarikat dalam rangka kerja yang dibenarkan. Jika sesebuah syarikat terutamanya Bumiputera untuk terus berkembang, MBEF adalah penyelesaiannya,” katanya.

Headline	MBEF lancarkan operasi syarikat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	652 cm ²
Journalist	Fahmy Azril Rosli	AdValue	RM 22,475
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,425

Info

Faedah MBEF

- **Bentuk** kepimpinan berinspirasi dan bervisi
- **Menyumbang** kepada prestasi kewangan yang mampan
- **Memacu** inovasi dalam produk dan perkhidmatan
- **Fokus** kepada perkhidmatan dan kepuasan pelanggan
- **Mewujudkan** proses perancangan perniagaan yang lebih cekap
- **Meningkatkan** produktiviti dan mengurangkan kos operasi

Reaksi

Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan Malaysia



"Kami yakin perniagaan akan lebih kukuh dan setiap individu di syarikat ini akan terus berkembang maju dalam mengatasi sebarang cabaran"

Angelina Lee,
Ketua Sumber Manusia Kumpulan DAMA



"MBEF berjaya mewujudkan cara bekerja yang mana akan mengoptimumkan produktiviti syarikat dalam rangka kerja yang dibenarkan"

Ahmad Firdhaus Ramlan,
Ketua Pegawai Eksekutif Ranaco Education & Training Institute Sdn Bhd



Mustapa bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan (dua dari kanan); Pengerusi Perbadanan Produktiviti Malaysia, Tan Sri Azman Hashim (kanan) dan Ketua Pengarah MPC, Datuk Mohd Razali Hussain (kiri) pada Majlis Pelancaran Laporan Produktiviti 2015/2016 di Menara MITI, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

